

SINAR HARIAN - 04 OGOS 2016 (RABU)

## PERUNDANG Cup 2016



Mahasiswa perundangan yang terlibat menjayakan Perundang Cup 2016.

PERUNDANG cup anjuran Persatuan Mahasiswa Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (PERUNDANG) menyatakan penuntut jurusan undang-undang Malaysia menerusi acara sukan sejak tiga tahun lalu.

Program ini kesinambungan program PFAM-Perundang Cup dengan kerjasama Persatuan Pemain Bola Sepak Malaysia.

Ia disertai UKM, UUM,

UNISZA, UIAM, Multimedia Universiti, UITM dan USIM.

Selain sukan bola sepak, aktiviti lain diadakan adalah forum Perundang Cup bertajuk, "Hak pemain bola sepak menurut undang-undang di Malaysia", yang mengupas mengenai isu-isu semasa bola sepak dan undang-undang sedia ada.

Panel terlibat, Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Pemain-pemain Bola Sepak Profesional

Malaysia, Izham Ismail, Mr Danaindran dan pensyarah undang-undang sukan, UKM Prof Dr Zaidi Hassim.

Program ini mendapat kerjasama Persatuan Alumni Pemimpin Mahasiswa Aspirasi Malaysia, Kuala Lumpur Regional Centre & arbitration, Urban Bash, Fakulti Undang-undang UKM, TNC HEPA UKM dan Persatuan Pemain Bola Sepak Malaysia.